

JKM B johan Pertandingan Dart Antara Jabatan Dengan Persatuan Dart Kampung


LABUAN: Pasukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) B muncul johan Pertandingan Dart Antara Jabatan Dengan Persatuan Dart Kampung Wilayah Persekutuan Labuan 2016.

Naib johan JKM A manakala tempat ketiga bersama memenangi pasukan Kampung Sungai Bedaun 1 dan Sungai Lada.

Dengan kejayaan itu, JKM B yang dibarisi Rosli Yussup @Awai, Anuar Awg Damit, Asmie Osman, Mohd Tahir Juan dan Mildo Jinin membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM400.

Pasukan JKM A pula yang diwakili Rosmani @Long, Nandung, Rasuwan, Abu Bakar Oslu @Burn dan Fendy menerima RM250 manakala tempat ketiga bersama meraih RM100.

Team Bedaun 1 diwakili Azli Abdullah, Hapis, Bob, Palan dan Ejo manakala Sungai Lada dibarisi Yusri Yussof, Ismail Zaine, Abd Basit Hashim,



MUHD Tahir (tengah) bersama pemain JKM B yang menjuarai pertandingan dart anjuran JKM.


Maslin Suin dan Mohd Masnizam Maslin.

Sementara itu, tiga pemain JKM B, Asmie Osman, Anuar dan Mildo masing-masing membawa pulang trofi atas kejayaan mereka mendapat 180 terbanyak, cek bull terbanyak dan check out tertinggi 125.

Sebanyak 12 pasukan menyertai Pertandingan Dart Antara Jabatan Dengan Persatuan Dart Kampung sekitar Wilayah

Persekutuan Labuan acara dart foursome anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama skuad sukarelawan JKM dan Persatuan Dart Labuan yang diadakan di Dewan Dart Kelab Sukan JKM Labuan, Sabtu lalu.

Ketika menyampaikan ucapan perasmianya, Pengarah JKM Labuan Ishak Aku Abd Rahman mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah



PEMAIN JKM A menerima hadiah daripada Muhd Tahir Juan (dua kanan).

kepada AJK penganjur yang menganjurkan pertandingan dart itu.

Katanya penganjur seumpama itu adalah salah satu aktiviti JKM di samping memasyarakatkan jabatan itu melalui aktiviti sukan seperti pertandingan dart.

Beliau berharap menerusi pertandingan itu, hubungan baik dan erat yang sememangnya terjalin antara jabatan kerajaan dan kampung dengan JKM akan terus kekal bagi manfaat kedua-dua pihak.

"JKM akan terus mengadakan pelbagai program dan aktiviti bagi mengeratkan lagi hubungan dengan pelanggan termasuk jabatan dan agensi kerajaan, swasta, NGO dan kampung di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Pada majlis itu, penyelaras pertandingan, Muhammad Tahir Juan yang juga Pegawai Psikologi JKM menyampaikan

ceramah motivasi yang bertajuk budaya kerja berpasukan dalam organisasi.

Selain JKM sendiri, antara jabatan yang menyertai pertandingan itu ialah wakil jabatan kerajaan, jempunan foursome iaitu Jabatan Bekalan Air, Jabatan Audit Negara dan Institut Latihan Perindustrian.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Muhd Tahir Juan.

Turut hadir, Setiausaha Pertandingan Rosli Yusop, Ketua Unit Sukan Kelab JKM Rosmani Puteh dan Timbalan Presiden Persatuan Dart Labuan Abu Bakar Oslu.

Muhd Tahir mengucapkan terima kasih kepada pasukan yang menyertai pertandingan itu sekaligus memberikan pemain ruang serta peluang mengasah bakat dan membuktikan kehebatan masing-masing.



PASUKAN Kampung Sungai Bedaun 1 (tempat ketiga bersama).



PASUKAN Sungai Lada (tempat ketiga bersama).



ISHAK (baju putih) bergambar kenangan bersama pemain yang menyertai pertandingan dart anjuran JKM Labuan.

CEPAT	KEPUTUSAN 4D SMS	HANYA RM0.30
maxis	Tune Digi Diterima	Lebih Cepat
4D Taip Kod: ON M4D	Hantar Ke: 37889	
ON T4D Toto 4D	ON STC Sandakan 4D	ON D41 Da Ma Cai 4D
ON TJP Percuma 6/55 6/58	ON S88 Sabah 88 4D	ON TDD Percuma 6D
<small>Taip kod: ON <jarak> M4D hantar ke 37889. Untuk Batal Langganan: ON digi. RM 0.30 Setiap Keputusan. Disediakan oleh Maxis Communications. Tel: 611-011111</small>		